

**KESEDARAN DAN PERANAN PENGETUA
MEMBANGUNKAN
PUSAT SUMBER SEKOLAH
(TUMPUAN KEPADA SEKOLAH MENENGAH HARIAN
DI NEGERI SELANGOR)**

Hajah Siti Hadijah binti Alwi
Institut Aminuddin Baki

ABSTRAK

Kajian ini lebih menitikberatkan dan mengenal pasti kesedaran dan peranan seseorang pengetua membangunkan Pusat Sumber Sekolah (PSS) khususnya di sekolah-sekolah menengah harian di Negeri Selangor. Secara keseluruhan, hasil kajian ini dapat mengenal pasti kesedaran dan peranan atau fungsi seseorang pengetua membangunkan PSS mengikut perubahan semasa. Di samping itu, kajian ini dapat menggambarkan setakat mana seseorang pengetua itu sedar akan pengetahuan, kebolehan dan kemampuan untuk bertanggungjawab dalam membangunkan PSS. Kajian ini telah dijalankan ke atas 15 buah sekolah yang melibatkan seramai 15 orang pengetua sebagai responden dan 15 buah PSS di sekolah tersebut. Kaedah senarai semak digunakan bagi menyokong apa yang telah diperolehi berdasarkan temuramah dan soal selidik. Lima belas buah sekolah menengah tersebut telah dipersetujui bersama oleh pihak Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) Selangor dari daerah-daerah Hulu Selangor, Kuala Selangor, Petaling, Sabak Bernam, Klang, Sepang, Hulu Langat, Kuala Langat dan Gombak. Perkara-perkara yang mempengaruhi keupayaan pengetua adalah berkaitan dengan pengetahuan dan pengalaman termasuk teknologi untuk PSS, sikap kesungguhan dan bijaksana dalam menentukan pembangunan PSS. Kajian menunjukkan peranan pengetua dalam membangunkan PSS adalah melibatkan perkara-perkara seperti membuat keputusan, memberi arahan, memimpin, menyelia, memantau, menyokong dan menjadi tempat merujuk. Diharapkan kajian ini dapat membantu Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya, Institut Aminuddin Baki (IAB) dan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) dalam mengkaji dan

melihat kepentingan peranan pengetua dalam membangunkan PSS. Apa yang lebih bermakna ialah memberi kesedaran bahawa pengetua harus membangunkan PSS yang sebahagian besarnya akan memberi sumbangan kepada program dan aktiviti kurikulum dan akademik, seterusnya kepada prestasi sekolah.

PENGENALAN

Adalah menjadi tanggungjawab institusi-institusi pendidikan untuk mendidik para pelajarnya supaya mereka dapat mencari dan mendapatkan maklumat sedia ada dengan berkesan seumur hidup. Para pendidik dengan kekangan yang ada tidak mampu menyampaikan kesemua maklumat yang ada kepada pelajar-pelajar mereka. Kaedah pengajaran secara tradisional, iaitu guru menyampaikan maklumat dan murid-murid menerima semuanya secara pasif, tidak dapat menyediakan murid-murid untuk hidup dalam masyarakat yang perlukan maklumat yang kian berkembang maju. Murid-murid tersebut dengan sifat semula jadinya harus dilatih atau dibimbing ke arah pembelajaran yang sentiasa dapat membuat pertimbangan, keputusan dan menyelesaikan masalah-masalah semasa, yang dihadapi melalui proses pembelajaran sendiri. Dengan kata lain, para guru berperanan membekalkan setiap murid dengan keupayaan mendidik diri sendiri ke arah pembelajaran sepanjang hayat.

Seawal tahun 1985, Harke mengatakan, *"Information is power.....or is it? Unless a student can handle effectively, there is no power. Power come only with the development of a complete spectrum of retrieving, processing and sharing skills that enable a student to transform information into knowledge."*

Perkara ini perlu dipandang berat oleh semua pendidik terutama dalam menghadapi cabaran abad ke 21, seperti yang disuarakan oleh Ketua 'Pengaroh Pendidikan Malaysia, Dato' Dr. Abdul Shukor Abdullah di Persidangan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah pada 18 Ogos 1998. Beliau menyatakan bahawa Edward Fiske dalam bukunya *"Smart School, Smart Kids"* telah menyatakan bahawa sistem persekolahan akan menghadapi krisis pembelajaran. Disebabkan ledakan ilmu, teknologi maklumat dan kepelbagaian kemahiran diperlukan oleh dunia pekerjaan, manakala sekolah sendiri akan berperanan sebagai penjana untuk *"the*

learning capital". Ramai ahli ekonomi telah mentafsirkan "*learning*" atau pembelajaran sebagai "*the new form of labour*" dan hasil perdagangan adalah dalam bentuk maklumat dan ilmu."

Maka terdapat keperluan sekolah-sekolah untuk mengambil satu pendekatan yang lebih tegas ke arah mengajar kemahiran maklumat merentasi kurikulum agar dapat menyediakan murid-murid yang lebih berliterasi maklumat, yang lebih mahir untuk belajar, supaya mereka dapat menyesuaikan diri dengan perubahan dan akan dapat mengatur langkah mereka sendiri dengan penuh yakin.

Ini merupakan satu cabaran besar bagi sesebuah institusi sekolah yang dipikul oleh seseorang pengetua sebagai ketua dengan tanggungjawab untuk memastikan pendekatan tersebut difahami, dilaksanakan dan dicapai. Penentuan dalam membentuk suasana pembelajaran dan pengajaran yang menarik seharusnya mampu dilaksanakan oleh semua guru. Namun, dengan terhadnya bidang kuasa, tahap kemampuan dan keupayaan mereka, hal ini perlu dijana dengan kerjasama pihak pentadbir sekolah iaitu pengetua itu sendiri.

Penyataan Masalah

Kajian kuantitatif survey di USA mendapati majoriti pustakawan sekolah berpendapat bahawa pengetua-petgetua tidak cukup pengetahuan dan pendidikan dalam bidang perpustakaan sekolah. Mereka mencadangkan supaya semua pengetua mengambil kursus dalam bidang sains perpustakaan untuk kelancaran dan keberkesanan perpustakaan sekolah (Wilson, Blake & Lyders, 1993).

Sebelum ini, di dalam tahun 1993 kajian yang melibatkan pengetua dan pakar-pakar media sekolah mengatakan bahawa 90% daripada 572 buah sekolah di mana pakar-pakar media sekolah melihat pengetua mereka tidak tahu mengenai perpustakaan sekolah dan ini diperakui oleh 63% daripada 423 pengetua yang memang mengakui mereka tidak didedahkan dengan perpustakaan sekolah (Wilson, Blake & Lyders, 1993).

Kajian survey kebangsaan di Virginia, USA terhadap 1,000 orang pengetua dan 1,000 pakar media sekolah menunjukkan bahawa pengetua memang mempunyai sedikit pengetahuan mengenai apa yang berlaku di pusat

media/perpustakaan sekolah. Maklum balas kajian menunjukkan bahawa pengetua terlalu sedikit diberi kursus atau latihan mengenai pusat media dan mempunyai sedikit pengetahuan apa yang harus ada pada kepakaran pustakawan yang diperlukan.

Berdasarkan kajian-kajian di atas, penyelidik akan mengkaji dan melihat adakah permasalahan dan isu yang sama akan dihadapi oleh para pengetua di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian ini adalah tertumpu kepada sebuah negeri sahaja iaitu di Selangor berdasarkan terdapat beberapa halangan seperti tempoh masa kajian yang pendek dan peruntukan kewangan yang terhad.

Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, objektif kajian adalah seperti berikut;

- i) Mengetahui peranan seseorang pengetua dalam membangunkan PSS.
- ii) Perkara-perkara yang mempengaruhi peranan pengetua itu sendiri dalam membangunkan PSS.

Persoalan Kajian

Memandangkan pengetua adalah individu yang paling penting dan berkuasa dalam organisasi sekolah, maka persoalannya ialah;

- i) Bagaimanakah pengetua berperanan dalam membangunkan PSS?
- ii) Apakah perkara-perkara yang mempengaruhi peranan pengetua dalam membangunkan PSS?

SOROTAN LITERATUR

Pengetua merupakan penggerak utama dalam segala perubahan pendidikan di dalam sesebuah sekolah (Townsend, 1995). Tidak dinafikan peranan pengetua dalam perancangan untuk sebarang pembangunan perpustakaan memerlukan tiga bahagian iaitu;

- i) sebarang perubahan memerlukan inisiatif pengetua dan kerja-kerja kepakaran guru perpustakaan iaitu bersama-sama menilai dan

menggerakkan program perpustakaan berdasarkan garis panduan yang nyata.

- ii) penglibatan pengumpulan maklumat dan boleh dirunding dengan kakitangan sekolah mengikut kehendak dan keperluan mereka.
- iii) kajian kes yang melibatkan perubahan dalam perpustakaan yang memerlukan lebih pendekatan kepada teknologi.

Haycock (1998) berpendapat pengetua di sekolah-sekolah menengah dan pengajian tinggi tidak dinafikan adalah sebagai rakan kongsi yang penting dalam penggabungan arahan membangunkan program dalam penggunaan maklumat dan idea-idea yang berkesan. Pengetua perlu menyokong dan mempunyai daya usaha untuk mengintegrasikan perpustakaan dan kelas yang boleh memastikan penglibatan guru-guru dan murid-murid kepada kemahiran pencarian dan mengakses maklumat secara sendiri adalah penting. Pengetua yang efektif akan menyokong pengintegrasian yang mengaitkan perancangan program dan pengajaran kepada beberapa inisiatif di sekolah. Pengetua yang efektif akan menetapkan arahan serta pemberian kemudahan dan berkomunikasi dengan ahli keluarga sekolah, mengesan sumber-sumber yang perlu, menyelesaikan masalah dan mengimplimentasikan pemusatan. Perkara yang menjadi kritikal untuk kejayaan ialah visi, perancangan dan perubahan evolusi dan tenaga kerja yang tidak selaras. Pengetua mesti bergabung secara proaktif dengan guru perpustakaan dan sanggup memenuhi keperluan murid, meningkatkan akses kepada teknologi, membangunkan bahan-bahan koleksi yang menyokong kurikulum dan mendorong guru-guru menjalankan pembelajaran dan pengajaran berasaskan sumber.

Terdapat pula kajian yang menunjukkan bahawa ada pengetua yang memberi kepercayaan sepenuhnya kepada guru perpustakaan mengendalikan pembangunan perpustakaan, misalnya di Oakham School, Rutland, United Kingdom. Segala perancangan dan urusan mengenai bangunan, reka bentuk, kewangan, perkhidmatan maklumat, koleksi bahan, perkhidmatan pelanggan, pengurusan, perkhidmatan pemasaran, pengurusan sumber-sumber dan perancangan kakitangan adalah dirancang, diurus, diselaras, dikawal dan dipimpin oleh guru perpustakaan sendiri. Pengetua mengetahui perkembangan di perpustakaan melalui laporan bertulis. Di samping, memastikan matlamat dan visi sekolah tercapai melalui laporan yang dikemukakan kepadanya dan sekali sekala mengadakan lawatan pemantauan (Tilke:1995,1-8).

Penyelidikan di Kanada ke atas pengetua dalam menyokong pelaksanaan program-program perpustakaan sekolah menunjukkan guru-guru perpustakaan memberi pandangan yang sokongan pengetua sebagai perkara penting kepada kejayaan program-program perpustakaan tersebut. Keberkesanan program tersebut dapat dilihat iaitu pengetua mengambil bahagian sebagai peranan pengetua bagi mewujudkan suasana bekerjasama program sekolah (Oberg, 1997).

Peranan pengetua tersebut boleh dikaitkan dengan dua perkara utama iaitu;

- i) Bagaimana pengetua dan tenaga pengajar yang lain fikirkan dan lihat tentang peranan guru-guru perpustakaan.
- ii) Bagaimana pengetua bekerja dengan guru-guru perpustakaan dan lain-lain tenaga pengajar untuk mengimplimentasikan program-program perpustakaan sekolah.

Guru perpustakaan telah memberikan petunjuk pengetua yang memberikan sokongan kepada program dalam tiga cara iaitu;

- i) Bekerja secara langsung dengan semua guru dalam memberi dan membangunkan pemahaman mereka dalam menggerakkan program tersebut.
- ii) Kesanggupan melibatkan diri secara langsung yang jelas dalam menjayakan program tersebut.
- iii) Menggunakan pengurusan sebagai peranan pemimpin sekolah dalam menjayakan program tersebut.

Dalam membangunkan seorang murid dengan program perpustakaan sekolah bagi melahirkan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, kajian ke atas sekolah-sekolah di Ontario dan Saskatchewan yang dijalankan oleh Hambleton dan Wilkinson (2000) mendapati bahawa pembelajaran di kelas-kelas guru-guru perpustakaan hendaklah bekerjasama dan boleh memainkan peranan penting dalam pembangunan kepakaran untuk kedua-dua pembelajaran sepanjang hayat dan faedahnya dalam media komunikasi. Didapati bahawa peranan pengetua di sekolah-sekolah besar lebih banyak mendapat skor dalam kategori polisi, kesedaran dan peranan di perpustakaan sekolah. Manakala, sekolah-sekolah kecil telah dikenal pasti kelemahannya dalam membangunkan program perpustakaan sekolah. Maka, faktor-faktor seperti kelayakan pendidikan, pengalaman, jadual masa, saiz sekolah dan lokasi juga memberi kesan kepada program berasaskan sumber.

Berdasarkan penyelidikan Oberg (1997), analisa perhubungan di antara pengetua dengan guru-guru perpustakaan yang telah dijalankan pada tahun 1993 menunjukkan 572 guru perpustakaan dan 423 pengetua telah menjawab soal selidik. 90% guru perpustakaan dan 68% pengetua bersetuju mengatakan bahawa pengetua kurang berpengetahuan mengenai perkara-perkara berikut;

- i) Garis panduan dan piawaian perpustakaan sekolah
- ii) Kedudukan perpustakaan dalam program sekolah
- iii) Automasi perpustakaan dan sumber-sumber visual
- iv) Rutin kerja di perpustakaan

Pengalaman dan pengetahuan mengenai perpustakaan sebelum menjadi pengetua adalah penting dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti perpustakaan bagi menyokong pembangunan akademik di sesebuah sekolah. Menceritakan pengalaman Swade (1999) yang telah berpengalaman sebagai pustakawan selama 20 tahun dan beralih menjadi pengetua di Olde Orchard Alternative Elementary School, Columbus, beliau berpendapat bahawa pendedahan praktikal, pengetahuan dan falsafah perpustakaan adalah elemen penting yang diperlukan serba sedikit bagi menjayakan program perpustakaan yang sangat berkait rapat dengan kemajuan dan kejayaan sesebuah sekolah.

METODOLOGI KAJIAN

Terdapat 3 jenis kaedah yang dijalankan bagi menjawab semua persoalan kajian iaitu;

- i) Kaedah soal selidik yang dikemukakan kepada setiap pengetua untuk memastikan adakah terdapat hubung kait dengan apa yang ditemubualkan.
- ii) Kaedah temu ramah dengan pengetua setiap sekolah yang dipilih. Kaedah ini lebih sesuai dijalankan kerana boleh dijalankan dalam keadaan yang selesa dan mengikut kehendak pengetua tersebut tanpa sebarang paksaan secara formal atau nyata. Secara tidak langsung, kaedah ini juga membolehkan penyelidik meneliti dan melihat tingkah laku mereka secara spontan apabila soalan-soalan tertentu diajukan kepada mereka. Penyelidik akan mencatat sebarang jawapan yang diberikan oleh pengetua kepada soalan yang berkaitan sahaja.

Mengikut perangkaan Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2000, terdapat 1,465 buah sekolah menengah harian di seluruh Malaysia, termasuk di Sabah dan Sarawak dari kategori sekolah gred "A" dan "B". Manakala di negeri Selangor terdapat 152 buah sekolah menengah (BTPN, 2000). Bagi tujuan kajian ini, populasi kajian yang menepati tajuk ini ialah semua pengetua di sekolah menengah harian di negeri Selangor dari kategori tersebut yang mempunyai PSS.

Berdasarkan populasi tersebut, pemilihan sampel adalah terdiri daripada setiap pengetua sekolah menengah harian kategori di atas yang tersenarai sebagai penerima Anugerah PSS Terbaik mewakili setiap daerah di negeri Selangor. Senarai tersebut dipilih berdasarkan kepada "Anugerah Kualiti Pusat Sumber Terbaik Daerah dan Negeri" pada tahun 2000 melalui Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN) masing-masing yang ditentukan oleh Jawatan kuasa Khas yang dipilih oleh BTPN Selangor. Sebagai perbandingan kajian, sampel juga akan diambil dari PSS yang memperoleh markah kualiti PSS yang paling rendah. Walau bagaimanapun, bagi tujuan kajian ini, markah bagi PSS yang mencapai kualiti terendah ini diabaikan daripada pengetahuan pembaca.

Pemilihan negeri Selangor adalah dengan pertimbangan bahawa di negeri itu sendiri terdapat sekolah-sekolah menengah harian yang memenuhi ciri-ciri di atas. Selain itu, faktor jarak, kos kajian untuk pengangkutan, penginapan dan lain-lain yang perlu ditanggung sendiri dan faktor masa juga perlu diambil kira kerana jangkaan masa adalah singkat. Pemilihan sekolah dengan kriteria-kriteria tersebut adalah mengikut sembilan daerah yang ada, iaitu Sabak Bernam, Klang, Kuala Selangor, Kuala Langat, Ulu Langat, Sepang, Petaling, Gombak dan Hulu Selangor.

Untuk tujuan pensampelan kajian ini, sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor yang telah dipilih oleh BTPN Selangor adalah terdiri daripada pengetua-pengetua dari 15 buah sekolah menengah harian.

DAPATAN KAJIAN

i) Latar Belakang Dan Pengalaman Responden

Pecahan pemegang jawatan pengetua yang dikaji di seluruh sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor adalah pada 5 orang lelaki dan 10 orang perempuan. Daripada jumlah tersebut seramai 5 orang telah berkhidmat sebagai pengetua lebih dari 10 tahun. Terdapat 4 orang pengetua (13.3%) pernah ditugaskan sebagai penyelarar PSS sebelum memikul tanggungjawab sebagai pengetua. Hanya seorang sahaja yang mempunyai sijil kelulusan kursus 35 jam di dalam pengurusan perpustakaan dan PSS. Walau bagaimanapun seramai 10 orang iaitu 66.7% menyatakan sanggup mengikuti kursus Sains Perpustakaan atau PSS jika diberi peluang. Dari segi kelayakan akademik, semua pengetua adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda daripada pelbagai bidang seperti Kesusasteraan, Pengajian Melayu, Geografi, Pengajian Islam, Matematik, Sosiologi Antropologi, Pendidikan, Sejarah dan Sains. Terdapat tiga orang pengetua mempunyai Sarjana dalam bidang Pendidikan dari Universiti Malaya (UM), Pentadbiran Pendidikan dari UM dan Perancangan Pendidikan dari Universiti Lancaster, United Kingdom.

Daripada penganalisaan di atas, terbukti bahawa hanya sebilangan kecil pengetua yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang Sains Perpustakaan atau yang berkaitan dengannya, dalam konteks sekolah-sekolah menengah di negeri Selangor. Seramai 4 orang daripada 15 pengetua berpengalaman bertugas sebagai Penyelarar PSS sebelum menjadi pengetua. Hanya seorang sahaja mempunyai sijil kelulusan kursus jangka pendek 35 jam Pengurusan Perpustakaan. Bagaimanapun tiada seorang pun pemegang Ijazah atau Sarjana dalam bidang Sains Perpustakaan atau yang berkaitan dengannya.

Ini selaras dengan kajian yang dijalankan di luar negeri seperti kajian pada tahun 1993, diperakui bahawa 68% daripada 423 orang pengetua tidak pernah didedahkan dengan perpustakaan sekolah, (Wilson & MacNeil :1998). Begitu juga kajian yang dijalankan di Virginia, USA terhadap 1,000 orang pengetua yang menunjukkan bahawa terlalu cetek pengetahuan yang ada pada diri pengetua mengenai Sains Perpustakaan, (Wilson & Blake :1993). Antara kajian terkini ialah oleh Hambleton dan Wilkinson (2000) yang

menjalankan kajian ke atas pengetua-pengetua di sekolah-sekolah di Ontario dan Saskatchewan. Majoriti responden mengatakan diri mereka sangat tidak tahu mengenai bidang perpustakaan seperti garis panduan, polisi dan standard perpustakaan sekolah, program-program perpustakaan, pengautomasian perpustakaan dan penggunaan beberapa sumber audio visual yang canggih.

ii) Penerangan Misi, Objektif Dan Matlamat

Semua pengetua mengakui pentingnya setiap PSS mempunyai misi, matlamat dan objektif masing-masing sebagai sasaran pencapaian tertinggi PSS mereka. Bagaimanapun majoriti mereka iaitu 86.6% tidak menerangkannya pada setiap kali mesyuarat. Hanya seorang pengetua (6.7%) daripada mereka menerangkannya pada setiap kali mesyuarat. Manakala seorang lagi jarang sekali menerangkannya. *(Sila lihat Jadual 1.1).*

iii) Mengadakan Mesyuarat Kurikulum

Mesyuarat PSS digunakan sebagai landasan perbincangan, pembentangan usul dan keputusan dibuat yang dipengerusikan oleh pengetua. Kekerapan mesyuarat diadakan adalah tertakluk kepada keputusan pengetua. Sebanyak 20% daripada jumlah bilangan pengetua mengadakan mesyuarat lebih kerap diadakan iaitu lebih daripada 5 kali setahun. Kebanyakan 66.7% daripada mereka mengadakannya secara sederhana iaitu dua kali bagi setiap penggal persekolahan 4 kali setahun. Bagaimana pun 13.3% selebihnya mengadakan mesyuarat kurang daripada itu. *(Sila lihat Jadual 1.1).*

Memandangkan mesyuarat kurikulum turut menyentuh mengenai PSS, majoriti pengetua (80%) bersetuju bahawa Guru Perpustakaan Media(GPM) perlu hadir. Manakala selebihnya (20%) menyatakan tidak perlu.

iv) Mengadakan perbincangan

Sebuah perpustakaan sekolah dapat dilihat kecemerlangannya apabila wujudnya suasana rangkaian kerjasama dalam kalangan guru-guru bagi menjayakan sesuatu program/aktiviti perpustakaan. Selalunya apabila memerlukan keputusan bersama, GPM akan diajak berbincang bersama-sama terutamanya bagi menentukan pencapaian akademik, (Webb & Dol:1999). Perbincangan adalah suatu cara bertukar-tukar fikiran dan membuat keputusan dalam

v)

Penglibatan Diri Pengerua

cara yang tidak formal, tidak seperti dalam mesyuarat yang lebih berbentuk formal. Sebanyak 46.6%(7 orang) pengerua didapati kerap mengadakan perbincangan seumpama ini dengan guru-guru di dalam pembangunan PSS. Tidak kurang juga iaitu (40%) daripadanya mengadakan perbincangan secara sederhana kerap. Manakala masing-masing (6.7%) daripadanya yang tidak mengonggalkan idea kerana tiada perbincangan dilakukan atau mengadakan sekali sekala. (Silu lihat Jadual 1.1).

Penglibatan pengerua dalam perancangan dan pelaksanaan program atau aktiviti didapati berbeza-beza. Sebanyak 13.3% daripada mereka yang terlibat dengan perancangan projek, program dan aktiviti-aktiviti PSS secara aktif. Sebanyak 46.7% secara sederhana aktif atau kerap dan 33.3% jarang-jarang terlibat. (Silu lihat *Jadual 1.1*). Bagaimanapun, sebarang input disampaikan melalui pemberian idea dan cadangan dengan kebanyakan daripada mereka iaitu 80% aktif dan kerap melakukannya. Bakiinya sebanyak 20% melakukannya secara sederhana kerap.

Sebaliknya, pengerua juga didapati menerima dan mengambil perhatian, cadangan dan pandangan guru-guru atau murid-murid. Hampir separuh daripada mereka (46.7%) menyatakan kerap melakukannya dan 33.3% secara sederhana. Tidak kurang juga (20%) yang jarang-jarang berbuat demikian.

Merujuk pula peranan pengerua memberi bimbingan dan dorongan dalam membangunkan PSS, didapati sebanyak 53.3% (8 orang) daripada mereka bertindak demikian secara aktif, sebanyak 6 orang daripada mereka (40%) secara sederhana dan selebihnya (6.7%) jarang-jarang melakukannya. Manakala sekiranya guru-guru dan pengawas-pengawas PSS menghadapi masalah, sebanyak 46.7% daripadanya mereka melibatkan diri di dalam menyelesaikan masalah tersebut secara aktif dan kerap. Sebanyak 20% pula bertindak secara berpilih-pilih atau sederhana dan 6.7% jarang-jarang sekali bertindak demikian serta menyerahkan penyelesaian tersebut kepada guru-guru PSS.

Bagi pengerua yang aktif, ia juga turut meningkatkan aktiviti dan promosi PSS. Sebanyak 40% daripada jumlah bilangan

pengetua melakukannya secara aktif, 46.7% sederhana dan 13.3% jarang-jarang terlibat di dalam hebahan dan promosi aktiviti PSS. Merujuk kepada pengisian bahan-bahan koleksi dan bahan-bahan pembelajaran dan pengajaran, ini adalah menjadi tanggungjawab setiap Ketua Panitia Mata pelajaran yang juga AJK PSS. Bagaimanapun terdapat sebanyak 33.3% pengetua melibatkan proses pemilihan ini secara aktif dan kerap dan 40% pula secara sederhana. Manakala 13.3% tidak langsung melibatkan diri. Apa yang lebih menarik ialah walaupun kebanyakan mereka kurang terlibat secara aktif dalam pemilihan di atas, bilangan mereka yang menggalakkan para guru dan murid-murid menggunakan segala kemudahan ABM dan bahan-bahan tersebut agak tinggi iaitu 46.7%. Mereka yang memberi galakan secara sederhana iaitu 33.3%. Manakala 13.3% daripada mereka jarang melakukannya dan terdapat juga yang tidak berbuat demikian (6.7%).

Walaupun pada bilangan yang kecil, terdapat juga pengetua yang mengambil inisiatif menjalankan kajian mengenai penggunaan PSS secara kerap iaitu 13.3%. Selebihnya, 40% jarang melakukannya dan 20% pula tidak pernah melakukannya. Sebarang kejayaan sesuatu program atau aktiviti PSS, sebahagian besar pengetua 66.7% (10 orang) kerap bertindak memberi penghargaan kepada para guru dan murid-murid yang menjayakannya. Sebanyak 26.7% (4 orang) pula melakukannya secara sederhana kerap dan hanya seorang pengetua yang tidak pernah memberikan sebarang penghargaan.

Jadual 1.1 : Tindakan Pengetua Dalam Aktiviti-Aktiviti PSS

Tindakan Pengetua	Penerangan Misi / Objektif / Matlamat	Mengadakan Mesyuarat Kurikulum	Mengadakan Perbincangan	Penglibatan Diri Pengetua	Pengurusan Kewangan
Selalu	0%	0%	0%	13.3%	73.3%
Kerap	6.7%	20%	46.6%	46.7%	0%
Kadang-Kadang	0%	66.7%	40%	0%	20%
Sekali-Sekala	6.7%	13.3%	6.7%	33.3%	6.7%
Tidak Pernah	86.6%	0%	6.7%	6.7%	6%
Jumlah	100%	100%	100%	100%	100%

vi) **Pencerapan Oleh Pengetua**

Daripada kajian yang telah dijalankan terdapat 46.7% (7 orang) mengatakan kerap, 40.0% (6 orang) sederhana kerap dan 13.3% (2 orang) jarang-jarang mencerap. Berikut adalah peratusan pencerapan yang dilakukan oleh seseorang pengetua ke atas perkara-perkara berikut di PSS:-

Jadual 1.2 : Pecerapan Pengetua

	<i>Perkara</i>	<i>Peratusan Pencerapan</i>
a)	Kemudahan fizikal (bilik komputer, kerusi, meja, alat pemadam api dan lain-lain)	100%
b)	Koleksi bahan (susunan koleksi, direkod, dijilid, diindeks dan lain-lain)	86.7%
c)	Peralatan audio/audio visual, komputer dan lain-lain	93.3%
d)	Pengurusan fizikal (peraturan dipaparkan, piagam, tunjuk arah dan lain-lain)	93.3%
e)	Penyeliaan guru bertugas di PSS	73.3%
f)	Mengambil tahu tugas-tugas Pengawas PSS	86.7%
g)	Kebersihan setiap bilik dan ruangan	100%
h)	Penyemakan rekod penggunaan, stok inventori dan lain-lain	73.3%
i)	Pemantauan pemerosesan bahan-bahan koleksi	26.7%
j)	Memantau bilangan pengguna setiap hari di PSS	33.3%

Adalah menjadi prosedur biasa pentadbiran, semua mesyuarat adalah diminitkan dan aktiviti -aktiviti disediakan laporannya. Bagaimanapun hanya terdapat 20% daripada bilangan jumlah pengetua kerap menyemak semua minit mesyuarat dan laporan tersebut. Kebanyakan mereka iaitu sebanyak 40% menyemaknya secara berpilih-pilih dan random (sederhana), 13.3% jarang melakukannya dan 26.7% tidak pernah langsung melakukannya.

vii) **Pengurusan Kewangan**

Koleksi bahan, peralatan PSS dan kemudahan-kemudahan fizikal yang ada banyak bergantung kepada sumber kewangan melalui peruntukan kewangan bagi PSS. Majoriti pengetua (73.3%) mengongsikan bersama jumlah peruntukan yang ada dengan bersedia dan kerap memaklumkan kepada AJK PSS. Sebanyak 20% pula melakukannya secara sederhana dan hanya seorang yang jarang melakukannya. *(Sila lihat jadual 1.1).*

Pengetua juga sedar bahawa GPM dan guru-guru PSS perlu dilibatkan dalam menyediakan anggaran perbelanjaan PSS. Bagaimanapun kekerapan mereka melakukannya berbeza-beza. Sebanyak 66.7% (10 orang) kerap melakukannya, 20% pula sederhana kerap dan 13.3% jarang melakukannya. Peratusan yang sama bagi proses mengatur perbelanjaan berdasarkan peruntukan yang telah diagihkan kecuali terdapat seorang daripadanya (6.7%) yang bertindak tidak melibatkan GPM dan guru-guru PSS di dalam proses tersebut.

Dalam usaha mendapatkan sumber kewangan tambahan, didapati bahawa pengetua juga melibatkan guru-guru PSS. Sebanyak 40% daripada bilangan jumlah pengetua kerap melibatkan guru-guru PSS melalui mendapatkan penaja, sumbangan derma dan sebagainya. Manakala 40% yang lain melibatkan mereka secara sederhana dan bakinya sebanyak 13.3% adalah sama ada jarang atau tidak mendapatkan kerjasama dari guru-guru PSS.

viii) **Penggunaan IT**

Sesuai dengan zaman teknologi maklumat ini, minat seseorang pengetua juga turut diukur dan berikut adalah dapatan yang diperolehi:-

i) **Turut serta**

Sebanyak 40.0% mengatakan kerap, 40.0% sederhana kerap, 13.3% jarang-jarang dan 6.7% tidak pernah.

ii) **Memberi dorongan**

Sebanyak 60.0% mengatakan kerap, 26.7% sederhana kerap dan 6.7% setiap di kategori jarang-jarang serta tidak pernah.

iii) **Penglibatan diri**

Sebanyak 46.7% mengatakan kerap, 20.0% untuk sederhana kerap serta jarang-jarang dan 13.3% mengatakan tidak pernah.

Keinginan para pengetua untuk memajukan kemudahan IT di PSS adalah tinggi. Sebanyak 60% daripada mereka ingin memajukannya manakala 33.3% adalah pada skala sederhana. Hanya seorang sahaja (6.7%) yang tidak berminat.

Pecahan keinginan di atas membawa kepada tindakan yang selari dalam menyentuh pembangunan IT di dalam PSS. Pengetua yang berkeinginan tinggi dalam pembangunan IT akan lebih kerap menyentuh pembangunan IT di dalam PSS dan begitulah sebaliknya. Bukan setakat itu sahaja, malah mereka dengan peratusan yang sama (60%) juga turut mempunyai keinginan yang tinggi mengadakan pengautomasian di PSS. Bagaimana pun 6.7% daripada bilangan jumlah pengetua pula menolak pengautomasian dan bakinya bersikap bersederhanaan.

Jadual 1.3 : Kekerapan Dan Peratusan Kekerapan Bagi Menggambarkan Pendekatan Pengetua Kepada Penggunaan Teknologi Maklumat (n=15)

Bil.	Pendekatan Pengetua Kepada Penggunaan Teknologi Maklumat	Kekerapan	% Kerap
i)	Turut serta	6	40.0
ii)	Memberi dorongan	9	60.0
iii)	Melibatkan diri secara langsung	7	46.7
iv)	Keinginan memajukan kemudahan IT	9	60.0
v)	Keinginan pengautomasian PSS	9	60.0

ix) Kerjasama Daripada Para Guru Dan Murid-Murid

Merujuk kepada penglibatan dan kerjasama murid-murid dalam membangunkan PSS, sebanyak 60% daripada bilangan jumlah pengetua menyatakan bahawa mereka kerap menerima kerjasama ini, sebanyak 26.7% sederhana dan hanya dua orang pengetua menyatakan sambutan kerjasama tersebut jarang diperolehi.

Manakala bagi penglibatan dan kerjasama daripada guru-guru pula, bilangan yang menerima kerjasama yang kerap agak sederhana iaitu

53.3% dan sebahagiannya pula 40% menerima kerjasama yang agak kerap. Hanya seorang pengetua (6.7%) yang menyatakan jarang menerima penglibatan dan kerjasama daripada guru-guru.

Berkaitan dengan perkara di atas, menurut Dianne Oberg (1997) penyelidikannya, semasa Persidangan IFLA yang ke-63 di bawah tajuk "*Principal Support: Research from Canada*", beliau melihat peranan penting yang harus dijalankan oleh seseorang pengetua ialah bagaimana pengetua bekerja dengan guru-guru perpustakaan dan lain-lain tenaga pengajar untuk mengimplementasikan program-program perpustakaan sekolah. Jikalau seseorang pengetua dapat menunjukkan contoh yang baik terlibat secara langsung dan ada kebolehan menjelaskan segala misi dalam membangunkan PSS, barulah kerjasama yang diperlihatkan oleh guru-guru adalah baik.

PERBINCANGAN: PANDANGAN PENGETUA BERKAITAN DENGAN ASAS ATAU PANDUAN KEPENTINGAN PSS

Bahagian ini akan memfokuskan kepada penganalisan soalan terbuka iaitu menemuramah secara langsung dengan pengetua dan seterusnya dikaitkan dengan keputusan hasil dari soal selidik dan seterusnya dikaitkan dengan ulasan kesusasteraan jika ada yang berkenaan.

i) Kepentingan Garis Panduan PSS

Melalui temu ramah soalan-soalan terbuka, semua pengetua sedar bahawa adalah sangat penting terdapatnya satu garis panduan dan polisi yang tertentu dalam membangunkan PSS.

Suatu yang menarik mengenai perkara ini ialah kesemua pengetua sedar akan kepentingan garis panduan PSS, bagaimanapun hanya 7 buah PSS (46.7%) yang mempunyai polisi seperti Fail Kuasa, Peraturan Am dari Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pelajaran dan Bahagian Teknologi Pendidikan (BTPN) Negeri Selangor. Manakala 8 buah PSS (53.3%) tiada sebarang polisi. * Dapatan kajian Dogg Hafsteinsdottir (1997) mengatakan bahawa sekolah yang ideal ialah perpustakaan sekolah yang aktif dengan bersama-samanya sikap positif pengetua yang dapat menyediakan kemudahan-kemudahan untuk perpustakaan sekolah seiring dengan elemen-elemen lain yang mengandungi perintah, polisi dan garis panduan yang rasmi. Ini juga dipersetujui oleh Haycock (1998),

mereka mengatakan bahawa peranan pengetua sebagai pengurus di dalam memastikan dan mengekalkan apa yang sedia ada untuk kemudahan berdasarkan polisi dan tatacara/prosedur. Perkara ini dibuktikan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Hambleton dan Wilkinson (2000), iaitu majoriti pengetua mengatakan mereka kurang pengetahuan mengenai salah satunya ialah mengadakan polisi, garis panduan dan standard dalam membangunkan perpustakaan sekolah.

ii) **Langkah Yang Akan Diambil Untuk Memperbaiki PSS**

Sekiranya PSS masih lagi tidak memenuhi kualiti seperti yang mereka hasratkan, beberapa peranan dan tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- a) Sebanyak 53.3% (8 orang) pengetua akan membawa dalam perbincangan melalui mesyuarat dan mengatur strategi baru yang melibatkan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian bersama seperti mencari peruntukan kewangan untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan PSS.
- b) Sebanyak 13.2% (2 orang) pengetua akan mendapat pandangan dan buah fikiran dari rakan-rakan sejawatan dari sekolah lain-lain.
- c) Sebanyak 13.2% (2 orang) pengetua akan menegur secara personal jika melibatkan individu dan memperbaikinya secara berperingkat-peringkat.
- d) Sebanyak 13.2% (2 orang) pengetua akan mengadakan kursus, bengkel ataupun lawatan rasmi ke PSS yang terbaik.
- e) Sebanyak 6.7% (seorang) pengetua menghargai dahulu apa yang telah dilakukan oleh individu tersebut dan kemudian membuat teguran secara membina.

Dalam kajian Oberg (1997) di bawah tajuk *Principal Support: What does it mean to Teacher-Librarians?*, beliau mengatakan pengetua memberi galakan dan dorongan kepada guru-guru dalam membangunkan program perpustakaan sekolah melalui perancangan dan penyediaan elemen-elemen yang penting. Ini termasuklah bertanggungjawab dan menunjukkan minat terhadap perpustakaan sekolah dan menggunakan kuasa yang ada untuk mendapat tabungan kewangan bagi koleksi dan lain-lain serta mendapat kerjasama dari masyarakat sekolah dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu program.

iii) Aktiviti Mencari Sumber Kewangan Tambahan

Antara elemen-elemen penting dalam membangunkan PSS ialah sumber kewangan yang terdapat dalam soalan temuramah bahagian 3.3. Kajian yang dijalankan oleh Dogg Hafsteinsdottir (1997) iaitu bertajuk *The Attitude of Icelandic Principals towards School Libraries : A survey*, menunjukkan tidak dinafikan penghalang kepada kemajuan perpustakaan ialah kekurangan tabungan dan pengetahuan teknologi yang berkaitan dengan kurikulum dalam penyediaan perpustakaan sekolah. Bagi pendapat pengetua-pengetua yang terlibat, mereka mengatakan langkah-langkah untuk mengadakan aktiviti-aktiviti atau program-program tambahan bagi mencari sumber kewangan untuk membangunkan PSS memang perlu.

Sebanyak 66.7% (10 orang) pengetua mendapat peruntukan kewangan dari PIBG (Persatuan Ibubapa dan Guru), mengadakan Hari Kantin, Jogathon, jualan, tayangan gambar dan memohon sumbangan dari pihak syarikat-syarikat swasta. Sebanyak 20.0% (3 orang) pengetua mendapatkannya melalui sumbangan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri (YB ADUN) dan tokoh-tokoh politik yang lain. Manakala terdapat juga sebuah sekolah (6.7%) yang mengadakan Majlis *Hi-Tea*. Hanya sebuah sekolah tidak mencari sebarang sumber kewangan tambahan disebabkan rata-rata masyarakat di sekeliling sekolah tersebut adalah berpendapatan rendah yang berlatar belakang petani. Sekolah tersebut banyak bergantung kepada peruntukan kewangan dari Kementerian Pelajaran.

iv) Kepentingan Membangunkan PSS

Kesemua pengetua (100%) sangat sedar akan kepentingan membangunkan PSS. Mereka mengatakan adalah penting membangunkan PSS atas sebab-sebab seperti berikut:

- a) Sebanyak 53.3% (8 orang) pengetua mengatakan PSS sebagai gedung ilmu iaitu tempat atau pusat ilmu pengetahuan, simpanan bahan-bahan maklumat, rujukan melalui pembacaan, menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan kemahiran murid serta kemudahan untuk mengulang kaji.
- b) Sebanyak 26.7% (4 orang) pengetua mengibaratkan PSS sebagai nadi kejayaan iaitu membantu mempertingkatkan prestasi akademik dan kecemerlangan pembentukan sahsiah

murid, juga pembelajaran dan pengajaran secara bestari boleh dijalankan. Pendek kata, PSS lebih berfokuskan pembangunan pendidikan.

- c) Seorang pengetua (6.7%) mengatakan PSS bertugas sebagai agen penyebaran maklumat.
- d) Manakala seorang pengetua (6.7%), bagi kedudukan sekolah yang terletak di kawasan luar bandar dan berlatar belakang keluarga miskin dan petani, menekankan bahawa PSS sangat membantu meringankan pembelian buku-buku rujukan dalam kalangan murid dan bertindak sebagai penyokong pencarian maklumat.

Menjelaskan lagi kepentingan PSS di atas ialah kajian yang telah dijalankan oleh Price (1999), yang tidak menafikan bahawa pembangunan perpustakaan mempunyai kesan dan pengaruh ke atas sekolah terutamanya pencapaian akademik sekolah. Daripada 11 kunci utama untuk keberkesanan pencapaian sekolah, lima adalah yang berkaitan dengan pembangunan perpustakaan iaitu;

- a) Membangunkan polisi perpustakaan dan mengimplementasikannya yang mendapat sokongan dari pengetua.
- b) Perpustakaan yang menyediakan suasana pembelajaran yang sihat.
- c) Polisi pembangunan koleksi perpustakaan yang menyokong pengajaran dan pembelajaran di sekolah.
- d) Sumber-sumber yang disediakan di perpustakaan sepatutnya boleh memberi persaingan intelektual dan pembangunan pemikiran kepada murid-murid.
- e) Menyediakan tempat dan kemudahan bagi murid-murid sekolah mencari bahan maklumat yang tiada di kelas-kelas seperti kemudahan komputer.

Tidak dinafikan penglibatan aktif oleh pengetua adalah kunci utama dalam menggerakkan dan menghidupkan peranan PSS. Tetapi yang menjadi masalah dalam kalangan pengetua ialah pengetahuan yang cetek atau tiada sama sekali dalam bidang Sains Perpustakaan ataupun yang berkaitan dengannya (Wilson & MacNeil:1998, Wilson & Blake:1998 dan Hortin:1986).

v) **Peranan Pengetua Membangunkan PSS**

Merujuk kepada persoalan apakah peranan pengetua dalam membangunkan PSS, berikut adalah penjelasan yang diberikan iaitu;

Sebanyak 12 orang pengetua (80.0%) mengatakan yang mereka harus memainkan peranan penting sebagai ketua di dalam memastikan kelancaran dari aspek perancangan dan pengimplementasian, pengawalan dan pemantauan, serta segala segi pengurusan yang melibatkan perkara-perkara seperti berikut:

- i) Menggerakkan PSS sebagai pusat ilmu.
- ii) Menyediakan kemudahan terbaik bagi penggunaan mencari bahan maklumat.
- iii) Mempunyai daya tarikan dari sudut keselesaan dan keceriaan.
- iv) Mengadakan bahan-bahan terkini.
- v) Memastikan para pelajar dan guru menggunakan PSS sepenuhnya.
- vi) Dapat memberi idea dan mempertingkatkan ilmu pengetahuan.
- vii) Menyediakan dan memastikan penggunaan bahan-bahan pembelajaran dan pengajaran.

Perkara-perkara di atas tidak dapat dijalankan sepenuhnya jika tidak mendapat kerjasama daripada para guru perpustakaan terutamanya, dari warga sekolah. Manakala tiga orang pengetua (20%) yang mengatakan mereka sentiasa menyokong segala kerja-kerja yang dilakukan oleh GPM. Di samping itu, GPM terlibat langsung di dalam perancangan dan merangkakan segala program dan aktiviti PSS supaya hasilnya mencapai matlamatnya. Mereka juga membantu mencari sumber kewangan bagi mempertingkatkan pembangunan PSS.

Tidak dinafikan peranan pengetua di dalam perancangan adalah penting untuk sebarang pembangunan PSS. Sebarang perubahan memerlukan inisiatif pengetua dan kerjasama guru-guru perpustakaan menggerakkan dan menilai program pusat sumber berlandaskan garis panduan yang nyata, (Townsend, 1995). Menurut Ken Haycock (1998), pengetua menyokong dan memberi galakan untuk mengintegrasikan perpustakaan di mana memastikan penglibatan para guru dan pelajar mengikut seperti yang dirancang bagi melaksanakan sesuatu program atau aktiviti perpustakaan. Kenyataan

tersebut disokong lagi oleh Dianne Oberg (1997 & 1999), iaitu kajian beliau menunjukkan sokongan pengetua dapat dilihat dengan mempercayai pengetahuan guru pustakawan bagi melahirkan idea atau pandangan untuk sebarang perubahan di perpustakaan sekolah dan juga dibawa ke mesyuarat untuk dibincangkan bersama-sama. Perkara ini juga tidak dinafikan oleh Consuelo Figueras (1990) semasa menjalankan kajian di sekolah-sekolah di Puerto Rico.

vi) **Wawasan Pengetua Dalam Membangunkan PSS**

Kesemua pengetua (100%) mempunyai wawasan tertentu untuk membangunkan PSS selaras dengan kemajuan teknologi seperti teknologi multi media. Hal ini boleh dijayakan melalui mencari sumber kewangan, kemudian menambahkan beberapa buah komputer. Begitulah menurut 12 orang pengetua (80.0%) yang menekankan bahawa penambahan bilangan komputer adalah penting kerana;

- i) murid-murid boleh mencari bahan-bahan maklumat melalui penggunaan Internet.
- ii) para guru dapat menggunakan kaedah pembelajaran dan pengajaran dengan menggunakan kaedah IT (literasi komputer).
- iii) menggalakkan penggunaan multi media di dalam PSS.
- iv) ingin menjadi perpustakaan berdigital dan beroperasi secara pengautomasian sepenuhnya.

Sebaliknya, terdapat 3 orang pengetua (20%) yang juga mempunyai wawasan tetapi tidak berkaitan dengan teknologi multimedia. Mereka lebih ingin membesarkan struktur bangunan PSS dan menambah lagi koleksi yang terkini serta menyediakan kemudahan-kemudahan yang asas. Ini disebabkan mereka sukar untuk mendapatkan sumbangan atau tabungan kewangan yang rata-rata masyarakat sekelilingnya berpendapatan rendah iaitu datang daripada sokongan petani dan estet getah. Menyokong perkara tersebut ialah kajian yang dilakukan ke atas beberapa orang pengetua yang melakukan beberapa perubahan di pusat media perpustakaan mereka. Kajian kes menunjukkan terdapat satu senario baru dalam mewujudkan kemudahan akses maklumat dengan menggunakan komputer, (Townsend: 1995).

Semasa pembentangan kertas kerja yang bertajuk "Leadership for Collaboration : Making vision work" di IFLA yang ke-61 di Turkey, kajian membuktikan pengetua menganggap guru pustakawan sebagai pemimpin sekolah dalam teknologi maklumat. Kebanyakan mereka adalah "senior" staf yang boleh dipercayai dan dapat memberi pendapat dalam hal-hal berkaitan dengan teknologi maklumat, Hambleton, Alixe E. & Wilkinson, John P. (2000). Menyokong kajian ini, terdapat satu kajian yang lain yang dijalankan oleh Anthony Tilke (1995) di mana pengetua memberi kepercayaan sepenuhnya kepada Ketua Pustakawan dalam mengendalikan pembangunan perpustakaan iaitu kajian kes yang dijalankan di Oakham School, Rutland, United Kingdom. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Diana Harke (1985) yang menunjukkan bahawa keupayaan kebolehan para pakar perpustakaan media sekolah serta kombinasi koleksi bahan yang baik dan besar yang merupakan kunci utama kejayaan akademik para pelajar kebanyakan sekolah di United States of America.

vii) Kriteria-kriteria pemilihan GPM

Berhubung dengan perkara di atas, dalam konteks sekolah-sekolah di Malaysia tidak dinafikan peranan GPM adalah penting di samping peranan pengetua. Menjawab persoalan ini majoriti pengetua mengatakan mereka mempunyai kriteria-kriteria tertentu yang digunakan untuk pemilihan GPM di sekolah mereka. Setiap pengetua akan memberi empat ciri-ciri utama dalam membuat pemilihan tersebut. Maka, melalui penganalisan kajian ini, terdapat 23.3% pengetua memberi jawapan ciri kesanggupan atau komitmen dan bertanggungjawab adalah diutamakan. Kemudian 18.3% memilih guru yang mempunyai minat memikul sebagai GPM, begitu juga 18.3% untuk ciri yang memiliki pengetahuan dan pengalaman. Ciri kerajinan turut digunakan sebagai kriteria pemilihan iaitu sebanyak 13.3%. Sebanyak 10.0% memilih ciri kebijaksanaan dan kreatif. Manakala yang lain iaitu 5% setiap ciri memilih mempunyai pemikiran terbuka, mempunyai ciri kepimpinan dan mempunyai wawasan serta daya ketahanan. Hanya seorang pengetua sahaja yang menyatakan pengagihan tugas yang saksama mengikut arahan dari pihak pengurusan sekolah tanpa sebarang kriteria.

RUMUSAN KAJIAN

Hasil kajian yang dijalankan di Negeri Selangor mengenai peranan pengetua dalam membangunkan PSS didapati bahawa;

- i) Pengetua yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang perpustakaan atau sebarang yang berkenaan akan mempengaruhi kecemerlangan dalam membangunkan PSS. Ini terbukti dengan empat sekolah yang telah memenangi PSS terbaik adalah dari kalangan lima sekolah yang diketuai oleh pengetua yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang perpustakaan. Empat daripadanya pernah menjadi Penyelaras PSS dan seorang lagi mempunyai sijil kelulusan kursus jangka pendek 35 jam Pengurusan Perpustakaan. Keupayaan tersebut tiada kaitan dengan faktor jantina atau tempoh berkhidmat.
- ii) Bagaimanapun, pengetahuan dan pengalaman dalam kalangan pengetua ke atas PSS adalah rendah. Hanya 33% dari kalangan pengetua mempunyai pengalaman dan pengetahuan mengenainya. Ini selaras dengan hasil kajian yang dijalankan di luar negeri seperti kajian Wilson & MacNeil, 1998, Wilson & Blake, 1993 dan yang terkini oleh Hambleton dan Wilkinson (2000).
- iii) Kecemerlangan dalam membangunkan PSS disebabkan oleh faktor-faktor yang mencakupi membuat keputusan, memberi arahan, memimpin, menyelia, memantau, menyokong dan menjadi tempat merujuk yang didorong oleh faktor pengetahuan dan pengalaman yang ada. Pengetua meletakkan GPM sebagai individu penting dalam membangunkan PSS. Disebabkan ini hampir kesemua pengetua dalam kajian ini memanggil mereka setiap kali dalam Mesyuarat Kurikulum.
- iv) Sebagai pengurus, pengetua kerap berbincang, bertukar pandangan dan sentiasa memberi idea adalah salah satu faktor yang dapat membantu GPM dan guru-guru yang terlibat.

Pengetua turut serta dalam membangunkan PSS secara langsung dalam menggerakkan sebarang aktiviti atau program terutama memberi penerangan yang sangat jelas kepada masyarakat sekolah dan mencari peruntukan kewangan tambahan. Kesanggupan dan kesungguhan ini mendorong kakitangan sekolah untuk memberi kerjasama mereka dalam membangunkan PSS.

- vi) Selain itu, pengetua sentiasa memberi sokongan sepenuhnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan PSS seperti kerap menerima pandangan dari guru-guru PSS, kerap mendorong dan memotivasikan sesuatu kebaikan untuk bersama. Kemudian sesuatu yang baik hasilnya, selalu diberikan penghargaan kepada yang terlibat.
- vii) Menitik berat mengenai garis panduan dan polisi yang tertentu dalam membangunkan PSS. Walaupun tidak sampai separuh (46.7%) daripada jumlah responden (pengetua) yang memiliki garis panduan dan polisi tersebut tetapi kesemuanya sedar akan kepentingan dan keperluan bahan tersebut. Sepertimana juga pernah dinyatakan Webb dan Dol (1999) serta Hambleton dan Wilkinson (2000).
- viii) Pencerapan yang selalu dan kerap dijalankan oleh pengetua ialah ke atas kerusi meja, koleksi bahan, kemudahan alat audio visual, pengurusan fizikal dan kebersihan bilik. Tetapi pengetua yang memantau setiap sudut di PSS adalah juga memehangi PSS terbaik seperti membuat penilaian ke atas pengurusan jawatankuasa, sistem rekod dan pengkatalogan serta menilai hasil dari rancangan yang telah dilaksanakan.
- ix) Memberi perhatian ke atas pengurusan koleksi dan pengurusan rekod yang lebih kepada kerja-kerja bersistem, walaupun majoriti pengetua masih mengabaikannya.
- x) Mengadakan mesyuarat pengurusan PSS walaupun masih terdapat PSS yang serba kekurangan.
- xi) Pengetua memainkan peranan sebagai pemimpin yang mampu mengarah dalam memastikan segala yang dirancang untuk membangunkan PSS, dilaksanakan mengikut garis panduan dan polisi yang nyata.
- xii) Begitu juga visi pengetua sepatutnya tidak sekadar luaran sahaja tetapi seharusnya turut serta, beri dorongan dan melibatkan secara diri secara aktif dalam sesuatu program, baru kakitangan akan ikut, hormat dan memberi kerjasama yang sewajarnya seperti dalam bidang IT.

- xiii) Kebijaksanaan pengetua membuat pemilihan GPM mengikut kriteria-kriteria tertentu kerana GPM bersama-sama guru PSS yang lain adalah orang kuat dalam jentera pencapaian matlamat dan objektif PSS. Perkara yang sama pernah dinyatakan oleh Tilke (1995).
- xiv) Mengadakan hubungan yang positif dengan kesemua masyarakat sekolah dengan cara berkomunikasi yang baik dan berkesan mengikut keadaan seperti membantah atau mengkritik secara membina dan tidak secara adalah satu lagi cara meningkatkan keberkesanan peranan pengetua.
- xv) Kerja-kerja berkaitan dengan pembangunan PSS yang dijalankan secara konsisten mendorong kepada kemajuan PSS. Penilaian dan pemantauan baik dan menjadi kebanggaan kepada seluruh warga sekolah. Projek-projek tertentu terbukti berjaya mengekalkan minat dan perhatian serta penyerahan semua pihak. Contohnya, pelaksanaan Projek Khas dan penyertaan pertandingan PSS.
- xvi) Keupayaan pengetua melihat dan menilai sesuatu permasalahan membangunkan PSS dari pelbagai aspek terbukti berkesan dalam mencari punca permasalahan dan menyelesaikannya.
- xvii) PSS yang cemerlang adalah pengetua yang mempunyai ciri-ciri yang positif. Secara keseluruhan boleh dikatakan bahawa semua pengetua yang dikaji ini sedar pentingnya membangunkan dan memajukan PSS yang sangat ada hubung kait dengan perkembangan dan mempertingkatkan kurikulum dan akademik sekolah. Tetapi yang dapat membezakannya antara pengetua dengan pengetua yang lain ialah tahap kekerapan yang dilakukan dalam menggerakkan PSS yang disokong dengan analisis senarai semak dan temu ramah.

Merujuk kajian ini, secara keseluruhannya jelas membuktikan bahawa sesebuah PSS di negeri Selangor maju dengan adanya peranan dan sokongan sepenuhnya daripada pihak pengetua.

RUJUKAN

- Brouillette, Liane (1997). Revisiting an innovative high school : what happens when the principal leaves?, *Educational Administration Quarterly*, vol.33, supplement (Dec), pp. 546-575.
- Dogg Hafsteinsdottir, Hafdis (1997). *The attitude of Icelandic principals towards school libraries : a survey*, 63rd. IFLA General Conference Programme and Proceedings, [online] Available at : <http://www.ifla.org/IV/ifla63/hafh.htm> [accessed on 16/11/2000].
- Figueros, Consuelo (1990). *A Historical Appraisal Of The Establishment, Development, Growth, And Impact Of School Libraries In Puerto Rico*, [Online] Available at: <http://www.lib.umi.com/dissertations/fullcit/9024094> [accessed on 01/06/2001]
- Hambleton, Alixe E. & Wilkinson, John P. (2000). *The Role of the school library in resource - Based Learning*, [online]. Available at <http://www.ssta.sk.ca/research/instruction/94-11.htm> [accessed on 26/06/2001].
- Harke, Diana (1985). *Focus On Learning : An Integrated Program Model For Alberta School Libraries*, Alberta Department Of Education, Edmonton.
- Haycock, Ken (1998). Leadership by secondary school principals, *Teacher Librarian*, vol. 26, no.2, [online]. Available at : <http://vweb.hwwilsonweb.com/cgi-bin/webclient.pl?sp.usernumber.p=186218&url=yes&s> [accessed cited on 26/06/2001].
- Oberg, Dianne (1997). Principal support : Research from Canada, 63rd. IFLA General Conference – Conference Programme And Proceedings, [Online] Available at : <http://www.ifla.org/IV/ifla63/63obed.htm> [accessed on 14/06/2001].
- Oberg, Dianne, Hay, Lyn, & Henri, James (1999). The role of the principal in an information literate school community : findings from an International Research Project, 3rd International Forum On Research in School Librarianship, Annual Conference of the International Association of School Librarianship (IASL), Seattle, W.A, pp. 10-14.

Price, Gwyneth (1999). The role of the library in the effective primary school, *School Library*, vol. 47, no. 3, pp.119-120.

Statistik sekolah-sekolah di Negeri Selangor Tahun 2000, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Selangor.

Swade, Susanna (1999). My experience as a principal, *Ohio Media Spectrum*, vol. 51, no. 2, pp.14-15. [online]. Available at : [http://web.hwwilsonweb.com/cgi-bin/webclient.p.../A.GT.&SP.URL.P=I\(Y678\)J\(0000021744\)](http://web.hwwilsonweb.com/cgi-bin/webclient.p.../A.GT.&SP.URL.P=I(Y678)J(0000021744)) [accessed on 08/01/2001].

Tilke, Anthony (1995). Managing change in school libraries, *New Library World*, vol. 96, issue 4. [Online] Available at : [http://www/emeraldlibrary.com/brev/07296dc1.htm](http://www.emeraldlibrary.com/brev/07296dc1.htm) [accessed on 05/01/2001]

Webb, Norman L. & Dol, Carol A. (1999). Contributions of library power to collaborations between librarians and teachers, *School Libraries Worldwide*, vol. 5, no.2, pp29-44.

Wilson, Patricia J., & Blake, Martha & Lyders, J.A. (1993). Principals and teacher – librarians : a study and a plan for partnership, *Emergency Librarian*, vol. 21, no.1, pp.18-24.

Wilson, Patricia Potter & Mac Neil Augus J. (1998). In the dark : What's keeping principals from understanding libraries? *School Library Journal*, vol.44, no.9, pp. 114-116. [online]. Available at: <http://web.hwwilsonweb.com/cgi-bin/webclient.pl?spusernumber.p=186218&url=yes&s..> [accessed on 27/07/2001]